

# Pesilat kurang pendedahan

Pilihan lebih teliti dijalankan sebelum Pesta Sukan Brunei

- 2 SEP 1989

KEJAYAAN pasukan silat membawa pulang tiga pingat perak dan 10 pingat gangsa dari Sukan SEA XV, tidak harus dijadikan ukuran bahawa pencapaian Singapura meningkat.

Sebaliknya, kegagalan mempertahankan sebutir pingat emas yang dimenangi di Sukan SEA 1987 di Jakarta, pula tidak harus dijadikan sandaran bahawa persembahan kita kurang bertenaga. **(SMA)**

Apa yang jelas dari pertandingan acara silat itu ialah para pesilat kita kurang pendedahan. Dengan itu juga mereka kurang berpengalaman untuk menayangi ketangkasan pihak lawan.

Kejohanan peringkat nasional yang dijalankan setiap tahun tidak boleh dijadikan gelanggang ukuran untuk meninjau setinggi mana taraf pesilat-pesilat negara. Ini disebabkan pesilat-pesilat negara

lebih berdepan antara satu dengan lain. **(Vat)**

Mereka tidak mempunyai peluang untuk menguji ketangkasan masing-masing di peringkat yang lebih tinggi," kata jurulatih Sukan SEA, Mohamed Khamin Said, apabila mengulas persembahan anak buahnya.

Khamin menerangkan, kejayaan pesilat-pesilat Singapura memungut pingat di sukan ini, tidak boleh menjadi sandaran bahawa mereka akan dipilih untuk mewakili negara ke Pesta Sukan Merdeka Brunei yang akan berlangsung pada Mac tahun depan.

Pihaknya akan membuat pemilihan yang rapi sebelum calonan untuk menyertai kejohanan itu dilakukan, terangkan jurulatih itu mengenai barisan pesilat Singapura yang akan dikirim ke sana.


Kejohanan yang akan berlangsung di Brunei itu juga

akan memberi kesempatan kepada Persisi membuat perstapan awal bagi menghadapi Sukan SEA 1991 di Manila, itupun jika acara silat olahraga dikalkakan.

Khamin menerangkan: "Kami akan memastikan bahawa pesilat yang akan dihantar ke Brunei nanti akan lebih bersedia menghadapi pertandingan."

Selain daripada tiga pesilat — Abdul Latif Tambi, Nazri Ibrahim dan Sheikh Alauddin Yaacob, yang melangkah ke pertandingan akhir, ramai lagi pesilat kita tersekat di pusingan awal.

Oleh kerana, pertandingan silat olahraga ini menyediakan pingat gangsa bagi dua pemenang tempat ketiga, maka 10 pesilat Singapura terkumpul dalam senarai atlet yang bertuah untuk menerima hadiah masing-masing.



ABDUL LATIF: Mendapati lawannya terlalu handai.